

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah perjanjian Projek Sistem Transit Rapid (RTS) antara Bukit Chagar, Johor Bahru dan Singapura dapat ditandatangani, tarikh jangka mula dan jangka siap pembinaan, kos pembangunan keseluruhan dan cara pembiayaan projek tersebut secara terperinci.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memastikan dan komited bahawa Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) yang telah ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini dapat dimuktamadkan sebelum 31 Julai 2020 sebagaimana yang telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura.

Situasi pandemik wabak Coronavirus (COVID-19) yang melanda kedua-dua negara malahan seluruh dunia sedikit sebanyak turut memberi kesan ke atas rundingan RTS Link tersebut. Walau bagaimanapun, daripada kemajuan yang dicapai, proses rundingan boleh dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan serta persetujuan dan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu berbangkit tanpa menjejaskan kepentingan negara.

Jajaran RTS Link sepanjang 4km ini akan menghubungkan stesen Bukit Chagar bersebelahan JB Sentral, Johor Bahru dengan stesen Woodlands North di Singapura. Pembinaan RTS Link ini dijangka akan bermula sejurus selepas kelulusan-kelulusan yang sewajarnya diperolehi iaitu pada Januari 2021 dan dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2026. Pembinaan RTS Link ini akan berjalan dalam 2 fasa iaitu dari tahun 2021 hingga hujung tahun 2024 fasa pembangunan dan sivil manakala dari tahun 2025 hingga hujung tahun 2026 pula adalah fasa pentauliahan dan pengujian sistem. Projek RTS Link bertujuan menawarkan pengangkutan alternatif kepada rakyat yang menggunakan Tambak Johor bagi perjalanan harian antara Johor Bahru dan Singapura.

Berikutan beberapa pindaan di dalam komponen utama RTS Link termasuk perubahan dalam sistem MRT kepada LRT, anggaran kos siling terkini projek RTS adalah sebanyak RM3.161 billion. Walau bagaimanapun, kos tersebut adalah belum mengambil kira kos pemindahan lokasi depot dari Mandai di Singapura ke Johor Bahru. Pemindahan dan pengoperasian depot ini kelak sudah pasti akan menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada Rakyat Malaysia.

Bagi membiayai kos projek ini, Kerajaan sedang meneliti beberapa opsyen bagi mendapatkan kaedah pembiayaan terbaik yang menguntungkan negara. Antara sumber pembiayaan yang sedang diteroka adalah melalui *deferred payment* atau pembiayaan melalui jaminan Kerajaan menerusi DanaInfra Nasional Berhad atau mana-mana SPV yang dirasakan bersesuaian. Pembayaran balik pembiayaan ini diperolehi melalui yuran konsesi yang akan dibayar oleh syarikat usahasama pengendali kereta api (JV OpCo) secara berperingkat.

Walaupun bagaimanapun, kaedah pembayaran balik sebenar akan dipertimbang dan diputuskan oleh Jemaah Menteri sebelum perjanjian dimeterai oleh kedua-dua belah pihak.

Sekian, terima kasih.